

# Amaran keras untuk badan2 silat yg masih belum buat pendaftaran

- 5 DEC 1974

(2) ps 1

**P**EMERINTAH semalam memberi amaran keras kepada jurulatih, pelatih dan pertubuhan mempertahankan diri yang tidak berdaftar supaya memberhentikan segera kegiatan mereka.

"Jika tidak, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka," kata seorang jurucakap Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Halehwal Dalam Negeri, yang menambah:

"Pegawal - pegawai undang-undang kami akan menjalankan pemeriksaan mengejut di merata tempat setiap hari."

"Pemeriksaan itu dibuat untuk memastikan bahawa jurulatih, pelatih atau pertubuhan seni mempertahankan diri tidak meneruskan latihan mereka tanpa mendaftarkan diri lebih dulu."

## Kuatkuasa

Unit itu telah menerima sekurang-kurangnya 30,000 permohonan dari jurulatih dan pelatih semua jenis seni silat, bila tempoh tiga bulan pendaftaran di bawah undang-undang baru itu berakhir Isnin lepas.

Permohonan itu termasuklah dari kira-kira 15 orang guru dan hampir 1,000 orang pelatih seni silat Melayu di Republik ini yang juga diwajibkan mendaftarkan diri mengikut Akta Seni Mempertahankan Diri yang berjalan kuatkuasanya 2 September lepas.

Jurucakap itu berkata: "Kami sedang memperoses permohonan-permohonan yang diterima dan akan memberitahu keputusannya kepada pemohon-pemohon sebaik-baik saja selesai."

Sekurang - kurangnya tiga buah badan seni Silat Melayu telah turut menghantarkan permohonan mereka sebelum tempoh tiga bulan itu berakhir awal bulan ini.

Antara pertubuhan-pertubuhan itu ialah Badan Kesenian Melayu Singapura Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara

★ MUKA 8 Ruang 9 /

ga telah diluluskan juga.

Adalah difahamkan, sekurang-kurangnya dua buah badan kebudayaan Melayu telah membubarkan seksi seni silat mereka kerana merasakan tidak mampu membayar yuran pendaftaran bagi pertubuhan, guru dan pelatihnya.

Sementara itu, Majlis Sukan Singapura telah membentuk sebuah jawatankuasa penasihat untuk memberikan nasihat tentang segala perkara mengenai seni silat Melayu yang ketika ini tidak mempunyai sebuah badan pengawal tersendiri.

Jawatankuasa itu akan menasihatkan semua pertubuhan Silat Melayu di Republik ini hinggalah sebuah badan pengawal dibentuk.

Encik Tang Che Yuen, telah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa itu, sementara Encik Kor Singh selaku setiausaha. Mereka adalah wakil dari Majlis Sukan.

Anggota - anggota lain dalam jawatankuasa itu ialah Encik Jumaat Sidek dan Encik Karim Maidin, dari Persatuan Pencak Silat Singapura (PERPEN-SIS); Encik Abdullah Maarof dan Hamzah Bakar (Perwanit); Encik

Baharuddin Badaruddin dan Seain Madsam (Persatuan Bawean); Encik A. Rahim Dayan dan Encik Arif Zahari (PASAK); Encik Loo Soo Chong dan Encik Goh Loo Aan dari Persatuan Rakyat.

Mereka yg  
tidak  
mendaftar  
akan  
didenda  
- 5 DEC 1974  
\$2,000

★ Dari Muka 1

(2) ps 8

Angkatan Kesenian (PASAK), dan Perwanit.

Mengikut undang-undang baru, sebuah pertubuhan seni mempertahankan diri diwajibkan membayar \$50, manakala guru sebanyak \$100 dan pelatih \$5 setahun.

Mereka yang gagal mendaftarkan diri dengan unit itu boleh didenda paling tinggi \$2,000 dan enam bulan penjara.

Orang - orang yang menguruskan sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar boleh didenda hingga \$4,000 atau penjara lima tahun paling lama.

Mereka yang tidak mendaftarkan diri dalam tempoh tersebut diharamkan melibatkan diri dalam seni itu.

Sejauh ini, Pemerintah telah meluluskan permohonan pendaftaran kira-kira sepuluh buah pertubuhan seni mempertahankan diri.

## Pelatih

Permohonan kira-kira 400 orang pelatihnya dan